

## Tahap Komunikasi Interpersonal dalam Kalangan Belia (*Interpersonal Communication Levels Among Youth*)

Nur Syuhada Mokhzan<sup>1\*</sup>, Ruhizan M. Yasin<sup>2</sup>, Rosnah Sutan<sup>1</sup>, Hamidah Yamat<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Ceras Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>2</sup> Pusat Pembudayaan STEM, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [syuhada.mokhzan@yahoo.com](mailto:syuhada.mokhzan@yahoo.com)

Accepted: 15 February 2023 | Published: 1 March 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.25>

**Abstrak:** Komunikasi interpersonal merupakan satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh semua belia kerana mereka merupakan generasi yang akan memimpin dan menjaga negara di masa depan dan kemahiran komunikasi interpersonal yang baik mencerminkan keperibadian diri mereka. Artikel ini membincangkan hasil penyelidikan kuantitatif berhubung tahap komunikasi interpersonal dalam kalangan belia di Bangi Selangor. Soal selidik diberikan secara rawak kepada 123 orang responden yang berumur antara 19 hingga 25 tahun. Konstruk utama dalam kajian ini ialah kemahiran komunikasi interpersonal yang diukur menggunakan alat ujian yang dibangunkan oleh Armstrong (1981) yang terdiri daripada 52 item soalan yang menggunakan skala empat likert dengan pilihan jawapan (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju. Item – item dibahagikan kepada dua bahagian iaitu komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan dengan nilai kebolehpercayaan 0.89. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap komunikasi interpersonal belia adalah pada tahap sederhana. Ini bermakna perlunya pemeraksanaan penggunaan bahasa baku dan program pengucapan umum dalam kalangan masyarakat perlu dipertingkatkan. Seterusnya, hasil kajian ini mencadangkan bahawa pihak insituti pendidikan perlu menggalakkan aktiviti kokurikulum seperti pengucapan awam dan menyediakan kelas kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kemahiran berkumpulan sebagai alternatif membantu belia meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal mereka. Artikel ini turut memaparkan konsep dan pengertian komunikasi secara umum dan krusus kepada komunikasi interpersonal, komunikasi lisan (verbal) dan komunikasi bukan lisan (non-verbal).

**Kata kunci:** Belia, Komunikasi Interpersonal, Komunikasi Lisan, Komunikasi bukan lisan, Kemahiran

**Abstract:** *Interpersonal communication is a skill that needs to be mastered by all youth because they are the generation that will lead and take care of the country in the future and good interpersonal communication skills reflect their personality. This article discusses the results of quantitative research regarding the level of interpersonal communication among youth in Bangi Selangor. Questionnaires were randomly given to 123 respondents aged between 19 and 25 years. The main construct in this study is interpersonal communication skills measured using a test tool developed by Armstrong (1981) which consists of 52 question items that use a four-point Likert scale with answer options (1) strongly disagree, (2) disagree, (3) agree and (4) strongly agree. Items are divided into two parts, namely verbal communication and non-verbal communication with a reliability value of 0.89. The findings of*

*the study show that the interpersonal communication level of youth is at a moderate level. This means the need to empower the use of standard language and public speaking programs in the community need to be improved. Next, the results of this study suggest that educational institutions need to encourage co-curricular activities such as public speaking and provide classes of communication skills, leadership and group skills as an alternative to help youth improve their interpersonal communication skills. This article also presents the concept and understanding of communication in general and specifically to interpersonal communication, oral communication (verbal) and non-verbal communication (non-verbal).*

**Keywords:** Youth, Interpersonal Communication, Verbal Communication, Non-verbal Communication & Skills

---

## 1. Pendahuluan

Komunikasi merupakan satu proses perpindahan, penghantaran, pertukaran maklumat, perasaan, idea, dan fikiran supaya dapat menghasilkan pemahaman daripada seseorang individu kepada individu yang lain (Wood, J.T. 2009). Manakala (Ibrahim 2019) mengatakan bahawa komunikasi tidak hanya memfokuskan kepada pertuturan tetapi komunikasi juga melibatkan penulisan, bahasa isyarat atau lakaran yang membantu memberikan kefahaman kepada individu yang menerima mesej atau arahan. Komunikasi berlaku secara lisan iaitu melalui pertuturan dan juga bukan lisan iaitu melalui bahasa gerak-geri, bahasa isyarat, sentuhan, hubungan mata, dan penulisan (Sa'adiyah 2015). Menurut (Devito 2011), komunikasi merupakan satu bidang yang luas dan mempunyai tujuh bentuk iaitu komunikasi intrapersonal, interpersonal, organisasi, antara budaya dan komunikasi massa. Beliau juga berpendapat bahawa komunikasi interpersonal adalah salah satu bentuk komunikasi yang dilakukan secara langsung antara seseorang dengan orang yang lain atau dengan lebih jelas adalah komunikasi yang berlangsung diantara dua orang atau lebih. Namun, artikel ini hanya memfokuskan kepada komunikasi interpersonal bagi golongan belia. Komunikasi interpersonal ini merupakan satu komunikasi yang melibatkan interaksi secara lisan dan interasi secara bukan lisan semasa berinteraksi bersemuka fizikal atau maya.

Bagi masyarakat ketika ini komunikasi kebiasannya melalui telefon pintar, aplikasi facebook, instagram dan whatsapps merupakan alat komunikasi yang bertindak sebagai medium perantaraan untuk berkomunikasi (Elisson et al. 2007). Facebook, YouTube, dan WhatsApp merupakan tiga platform media sosial paling banyak digunakan secara global. (Laporan Tren Media Sosial Talkwalker 2021) menunjukkan YouTube dan WhatsApp masing-masing mempunyai hampir 2 bilion pengguna aktif. Data Reportal, tinjauan yang dilakukan untuk pengguna internet global berusia 16 hingga 64 tahun menunjukkan bahawa sebab utama memilih penggunaan media sosial adalah untuk terus berhubung dengan keluarga dan rakan-rakan. Ini merangkumi 48.6% pengguna internet global. Sebab-sebab lain akan datang seperti mengisi masa lapang (36.3%), membaca cerita berita (35.2%), mencari kandungan lucu atau menghiburkan. Oleh itu, jelaslah bahawa masyarakat ketika ini lebih gemar memilih untuk berkomunikasi menggunakan media massa secara lisan (menelefon) atau bukan lisan (menghantar mesej).

Namun, Menurut (Boyd 2008), kaedah komunikasi secara bersemuka lebih mesra berbanding komunikasi secara maya. Terdapat satu kajian yang dianalisis menggunakan kaedah kualitatif melaporkan bahawa terdapat perkaitan yang positif terhadap komunikasi secara bersemuka secara fizikal berbanding komunikasi bersua muka dengan pengguna media, televisyen, radio

dan rangkaian sosial lain (Leung dan Li 2015). Di tambah pula, (Shariffah Mamat 2014) juga berpendapat bahawa seseorang yang gemar berkomunikasi menggunakan media sosial sebagai medium berkomunikasi sering kali mengalami kesukaran untuk berkomunikasi secara depan kerana mereka perlu berjaga-jaga dalam penggunaan bahasa dan gerak-geri serta nada suara yang akan disampaikan. Satu kajian yang di jalankan oleh (Nazihah et.al 2019) dengan menggunakan kaedah analisis kuantitatif mendapati bahawa mahasiswa di universiti awam menunjukkan tahap komunikasi interpersonal pada tahap sederhana ke tahap yang tinggi. Oleh itu, artikel ini membincangkan tahap komunikasi interpersonal dalam kalangan belia kerana kemahiran komunikasi interpersonal yang baik dapat membentuk interaksi secara efektif.


## 2. Literatur

Menurut (Suranto 2011), terdapat beberapa komponen dalam komunikasi interpersonal. Pertama, sumber, iaitu mencipta, memberi maklumat dan menyampaikan pesanan kepada penerima. Komponen kedua adalah *encoding*. *Encoding* merupakan satu aktiviti internal dalam komunikasi bagi menciptakan symbol – symbol *verbal* dan *non verbal*, tatabahasa dan ciri – ciri penggunaan bahasa yang bersesuaian. Komponen yang ketiga adalah pesanan. Pesanan merupakan satu maklumat yang disampaikan oleh penghantar kepada penerima. Ianya juga terdiri daripada *symbol – symbol verbal atau non verbal*. Komponen yang seterusnya adalah saluran. Saluran merupakan satu kaedah penyampaian maklumat atau pesanan yang disampaikan oleh penghantar kepada penerima. Penerima merupakan seseorang individu yang menerima, memahami dan mendengar pesanan yang telah disampaikan. Dalam proses komunikasi interpersonal, penerima adalah bersifat aktif kerana selain menerima pesan ianya juga memberikan maklum balas kepada pesanan atau maklumat yang telah diperolehi.

*Decoding* merupakan kegiatan *internal* dalam diri penerima sama ada melalui pancaindera atau maklumat yang berbentuk kata-kata dan simbol-simbol yang mengandungi makna. Komponen yang seterusnya adalah respon. Respon iaitu tindakan untuk memberikan maklum balas terhadap perhantar. Respon adalah bersifat positif, neutral ataupun negatif. Respon positif adalah apabila maklumat yang disampaikan adalah bersesuaian dan dikehendaki oleh penghantar. Neutral membawa maksud respon itu tidak menerima ataupun menolak keinginan yang menyampaikan maklumat, manakala respon negatif adalah apabila tanggapan yang diberikan adalah bertentangan dengan maklumat atau pendapat yang diinginkan oleh penghantar. Komponen yang terakhir adalah gangguan (*Noise*), gangguan merupakan apa saja perkara yang mengganggu atau membuat kacau dalam penyampaian dan penerimaan pesanan atau maklumat.

Menurut (Maryanti et.al 2012) komunikasi terbahagi kepada dua bahagian iaitu komunikasi secara lisan dan komunikasi bukan lisan. Menurut (Mishra dan Azeez 2016) komunikasi secara lisan yang dimaksudkan dalam kemahiran interpersonal ialah kemahiran mendengar, kemahiran bertanya, kemahiran berucap, kemahiran memberi maklum balas, unsur bahasa, mengubah sikap dan tingkah laku, penampilan. Menurut (Nordin et al. 2017), komunikasi bukan lisan adalah komunikasi yang menggunakan perkataan yang tepat dan ringkas ketika berkomunikasi, menggunakan bahasa badan dan gerak-geri yang sesuai. (Ranjit 2004) menyenaraikan beberapa contoh bahasa gerak-geri dan mesej yang disampaikan oleh seseorang individu seperti dalam rajah 2. Seterusnya, dalam mengenali komunikasi ini secara jelas, analisis kemahiran telah diperkenalkan oleh (Abdullah 2007) seperti dalam Rajah 1 yang bertujuan untuk membahagikan sesuatu kemahiran itu dalam satu turutan yang terdiri daripada bahagian-bahagian kecil bagi memudahkan kefahaman kepada komunikasi.

### Model Kemahiran Komunikasi



**Rajah 1: Model kemahiran komunikasi**  
 Sumber: diubah suai daripada (Abdullah, N. H. 2007)

### 3. Methodologi

Kajian kuantitatif ini menggunakan rekabentuk kajian tinjauan. Kaedah pengumpulan data adalah melalui borang soal selidik yang telah diedarkan secara rawak 123 orang belia yang tinggal disekitar Bangi. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan belia. Pembolehubah ini diukur dalam soal selidik dibangunkan oleh Armstrong (1981) yang terdiri daripada 52 item dengan nilai kebolehpercayaan 0.89.

**Rajah 2: Subskala Soal Selidik Komunikasi Interpersonal**

Subskala	Item Soalan
Respon komunikasi lisan	1,2,3,4,5*,6,7,8*,9,10*,11,12,13*,14,15,16*,17,18,19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29,30,31,32*
Respon komunikasi bukan lisan	33,34,35*,36,37,38,39,40*,41,42,43,44,45,46*,47,48,49,50,51,52

Nota: \*Item Negatif

### Kaedah Pengumpulan Data

Berdasarkan kaedah pengumpulan data, kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data primer iaitu melalui kaedah tinjauan. Kaedah ini dilakukan melalui beberapa cara seperti menggunakan borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh penyelidik. Borang soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A berkaitan latar belakang responden yang mempunyai 3 item soalan, bahagian bahagian D berkaitan dengan komunikasi interpersonal

yang mengandungi 52 item soalan. Setiap item soalan yang dikemukakan ini menggunakan skala empat likert dengan pilihan jawapan seperti (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju.

### Analisis Data

Menurut Chua (2006), analisis deskriptif merupakan salah satu statistik yang digunakan untuk menghuraikan ciri – ciri pembolehubah. Antara contoh analisis deskriptif adalah seperti frekuensi, min, mod, median, peratusan dan sisihan piawaian yang digunakan sebagai cara untuk menerangkan pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar serta profil responden. Seterusnya, analisis ini digunakan untuk menjawab objektif kajian yang pertama iaitu mendokumentasikan profil belia dan objektif kedua iaitu untuk mengenalpasti tahap komunikasi interpersonal dalam kalangan belia di Bangi.


Pengukuran yang digunakan dalam kajian ini adalah skala empat likert dengan pilihan jawapan seperti (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju. Seterusnya, skor minimum adalah satu manakala skor maksimum adalah empat. Julat antara skor satu dan skor empat adalah tiga. Julat ini kemudiannya telah dibahagi tiga bagi mendapatkan tahap-tahap yang dikategorikan kepada tiga iaitu (1) rendah (1.00-2.01), (2) sederhana (2.01-3.00) dan (3) tinggi (3.01-4.00).

### 4. Perbincangan

Analisis deskriptif digunakan dalam menghuraikan taburan demografi responden seperti jantina, umur dan etnik serta menghuraikan tahap komunikasi interpersonal bagi responden kajian. Rajah dan jadual di bawah menunjukkan kategori serta melaporkan bagi setiap taburan demografi dan tahap komunikasi interpersonal belia yang diperolehi daripada 123 borang soal selidik yang telah diedarkan.

#### Latar belakang responden Jantina Responden Kajian


Rajah 3 merangkumi jantina bagi responden kajian yang telah menjawab borang soal selidik. Peratusan dan kekerapan bagi berlainan jantina adalah berbeza iaitu bagi mahasiswa perempuan merangkumi 95 orang peratusnya 95% manakala peratusan dan kekerapan bagi lelaki adalah 28 orang mahasiswa dan peratusnya sebanyak 28%.



Rajah 3: Jantina Responden Kajian

### Umur Responden Kajian


Analisis bagi taburan umur menunjukkan majoriti responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada lingkungan umur 21 hingga 23 tahun iaitu 78 orang responden (63.4%). Manakala umur mahasiswa kerja sosial antara 19 tahun hingga 21 tahun telah mencatatkan kedua tertinggi iaitu 43 orang (35%). Seterusnya lingkungan umur responden antara 23 tahun hingga 25 tahun adalah seorang (0.8%) dan bagi umur 25 tahun keatas juga mempunyai seorang (0.8%).



Rajah 4: Umur Responden Kajian

### Etnik Responden Kajian

Analisis terhadap kumpulan etnik mendapati bilangan responden tertinggi adalah daripada kaum Melayu iaitu sebanyak 117 orang (95.2%). Manakala jumlah bilangan responden yang kedua tertinggi adalah lain – lain iaitu etnik daripada sabah dan serawak seramai 3 orang (2.4%). Jumlah kaum india pula mencatatkan sebanyak 2 orang (1.6%) dan bagi kaum cina pula adalah seorang (0.8%).



Rajah 5: Etnik Responden Kajian

### Tahap Komunikasi Interpersonal Belia

Dalam kajian ini Komunikasi Interpersonal mengukur kebolehan berkomunikasi dengan baik bagi belia di Bangi.

Tahap	n=123	Peratus (%)
Rendah	0	0.0



Sederhana	68	55.3
Tinggi	55	44.7
Jumlah	123	100

**Jadual 6: Subskala Komunikasi Interpersonal Belia**

Rajah 6 diatas menunjukkan subskala komunikasi interpersonal dalam kalangan belia berada pada tahap sederhana ke tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap komunikasi interpersonal dalam kalangan belia pada tahap sederhana ke tinggi.

Berdasarkan jadual 2, hasil analisis kajian menunjukkan bahawa terdapat 94.3% mudah berkomunikasi dengan ahli keluarga tentang sesuatu yang mereka perlukan (min=3.32, item D1), 93.5% menyatakan bahawa mereka mudah meneruskan perbualan dengan seseorang (min =3.21, item D2), 95.1% menyatakan mereka Mudah memberi senyuman kepada orang lain (min=3.33, item D3), 88.6% bersetuju bahawa mereka mudah memuji tindakan seseorang (min=3.14, item D4) manakala seramai 66.6% juga telah bersetuju bahawa mereka tidak mudah untuk mengaku salah di khalayak ramai(min = 2.78, item D5) dan sebanyak 87.8% telah mengatakan bahawa boleh memulakan perbualan dengan seseorang yang berlainan jantina (min= 3.07, item D6).

Terdapat 95.2% menyatakan bahawa akan bertanya soalan untuk menunjukkan minat saya terhadap ceritanya apabila berbual dengan rakan (min=3.16, item D7), 65.0% telah bersetuju mengatakan bahawa sering memberitahu kesilapan yang dilakukan oleh seseorang (min =2.72, item D8), 66.6% pula menyatakan bahawa mereka mudah mempelawa seseorang berlainan jantina melakukan aktiviti bersama (min =2.75, item D9), 73.9% telah bersetuju dengan mereka tidak mudah percaya pujian yang diberikan oleh rakan rapat (min = 2.85, item D10), sebanyak 95.1% mahasiswa telah mengatakan akan melihat kepada seseorang yang berkomunikasi dengan saya untuk menunjukkan minat saya terhadap ceritanya (min =3.19, item D11) dan sebanyak 74% mahasiswa bersetuju bahawa mereka menjadi gelisah apabila berhadapan dengan seseorang yang minati (min = 2.85, item D12).

Seterusnya, 61% belia telah bersetuju bahawa mereka sukar untuk melihat mata seseorang apabila bercakap dengannya (min = 2.69, item D13) dan seramai 93% mahasiswa juga setuju bahawa mereka seorang yang mudah bergaul (min =3.16, item D14). 89.4% menyatakan bahawa mereka berasa selesa apabila rakan rapat memeluk mereka (min = 3.19, item D15), 56.1% menyatakan mereka berasa sukar untuk menerima permohonan maaf daripada orang lain (min = 2.67, item D16), 81% mahasiswa bersetuju bahawa mereka akan memperkenalkan diri kepada orang yang tidak mereka kenali apabila berada dalam kumpulan (min= 3.01%, item D17) dan 88.6% menyatakan bahawa mereka sering beranggapan boleh melakukan tugas yang lebih baik (min =3.15, item 18).

Di samping itu, terdapat 87.8% telah mengatakan bahawa mereka bersetuju lebih selesa untuk berdiam diri daripada memberi pujian yang tidak ikhlas (min = 3.11, item D19), 96% pula bersetuju bahawa mereka suka memanggil seseorang dengan namanya (min = 3.19, item D20). Belia juga bersetuju dengan mudah senyum dan mengucapkan terima kasih jika saya menerima pujian sebanyak 94% (min = 3.22, item D21), 69.1% menyatakan bahawa mereka tidak tahu bagaimana untuk memulakan perbualan (min = 2.83, item D22), 94% mahasiswa juga mengatakan bahawa mereka Meminta maaf jika melakukan kesilapan (min=3.24, item D23) dan sebanyak 91% bersetuju bahawa mereka berasa malu apabila mendapat pujian terhadap kelakuan saya (min =3.11, item D24).

Selain itu, terdapat 86.2% telah mengatakan mereka lebih suka untuk membuat panggilan kepada seseorang yang saya ingin berjumpa daripada menunggu panggilan daripada individu tersebut (min = 3.09, item D25), 89.4% mengatakan mereka memberitahu seseorang itu jika saya berasa seronok berjumpa dengannya (min=3.15, item D26), 80% akan menyapa ahli keluarga dengan pelukkan (min=3.02, item D27), 65% lupa untuk memperkenalkan seseorang yang tidak dikenali kepada orang lain di dalam sesuatu kumpulan (min = 2.76, item D28). Majoriti belia telah bersetuju dengan disenangi oleh orang yang mengenali diri saya sebanyak 98% (min = 3.21, item 29) dan 93% mahasiswa bersetuju dengan Mudah untuk memberi pertolongan kepada rakan rapat walaupun dalam keadaan terpaksa (min = 3.21, item 30).

Bagi item D31 iaitu seramai 82.1 % belia telah sukar untuk menyatakan perasaan saya terhadap orang lain (min= 3.04), 52% belia tidak selesa menerima bantuan daripada rakan rapat (min = 2.49, item D32), 97% belia ikhlas memberi pujian kepada seseorang (min = 3.21, item D33), 90.2% mahasiswa mudah untuk meminta maaf kepada rakan rapat jika berlaku perselisihan faham (min = 3.16, item D34), 96% akan membalas gurauan orang lain dengan gurauan juga (min = 3.25, item D35) dan 89.4 % belia memuji diri sendiri apabila berjaya menghabiskan sesuatu tugas (min = 3.15, item D36).

Majoriti belia berasa gembira memberikan pujian kepada seseorang iaitu sebanyak 98.4 % (min = 3.24, item D38), 92% mahasiswa bersetuju dengan menyapa rakan baik dengan pelukan apabila sudah lama tidak bertemu (min = 3.18, item D37). Seramai 76.4% belia akan tunggu panggilan daripada rakan walaupun saya benar – benar ingin berjumpa dengannya (min = 2.92, item D39), 90.3% Akan perhatikan tindakan seseorang itu apabila saya tidak suka apa yang mereka lakukan (min = 3.15, item D40), 98.4% belia mudah untuk mengucapkan “terima kasih” kepada orang yang tidak dikenali apabila mereka membantu saya (min = 3.39, item 41) dan 94.3% belia mudah ketawa terhadap gurauan orang lain (min = 3.23, item 42).

Item D43 mencatat sebanyak 73.1% (min = 2.83) iaitu sukar untuk memulakan perbualan dengan seseorang yang berlainan jantina, 82.1 % belia mempunyai perasaan syak wasangka jika seseorang memberitahu bahawa mereka menyukai saya (min = 2.99, item D44), 74% belia menghantar kad kepada rakan rapat hanya untuk memberitahu bahawa saya mengingatnya (min = 2.88, item D45), 56.9% belia sukar untuk memberi pujian kepada rakan rapat (min = 2.64, item D46) dan sebanyak 88.7 % belia mudah bergaul (min = 3.11, item D47). Sukar untuk memberi pertolongan kepada orang yang tidak dikenali mencatatkan sebanyak 56.9% (min = 2.61, item D48), 65.1% belia mudah untuk memberitahu seseorang tentang perkara yang saya tidak suka berkaitan dengan mereka (min = 2.75, item D49), 89.9% belia pernah diberitahu bahawa saya merupakan seseorang yang menyenangkan (min = 3.09, item D50), 84.5% membuat teguran dengan menggunakan perkataan yang tidak menyakitkan hati (min = 3.04, item D51) dan 70% sukar untuk memperlawakan seseorang berlainan jantina untuk melakukan aktiviti bersama (min = 2.77, item D52).

Kesimpulannya, analisis terhadap tahap komunikasi interpersonal belia yang dilakukan pada 123 di bangi mendapati bahawa kebanyakan mahasiswa berada di tahap sederhana ke tahap tinggi seperti yang dinyatakan dalam jadual 2.



**Jadual 2: Taburan kemahiran komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan dalam kalangan belia**

BIL.	PERNYATAAN	STS	TS	S	SS	Min
Tahap Komunikasi Interpersonal dalam Kalangan Belia		Bilangan / Peratusan (%)				
D1.	Mudah berkomunikasi dengan ahli keluarga tentang sesuatu yang mereka perlukan	0 (0.0)	7 (5.7)	82 (66.7)	34 (27.6)	3.22
D2.	Mudah meneruskan perbualan dengan seseorang	0 (0.0)	8 (6.5)	81 (65.9)	34 (27.6)	3.21
D3.	Mudah memberi senyuman kepada orang lain	0 (0.0)	6 (4.9)	70 (56.9)	47 (38.2)	3.33
D4.	Mudah memuji tindakan seseorang	0 (0.0)	14 (11.4)	78 (63.4)	31 (25.2)	3.14
D5.	Tidak mudah untuk mengaku salah di khalayak ramai	3 (2.4)	38 (30.9)	65 (52.8)	17 (13.8)	2.78
D6.	Boleh memulakan perbualan dengan seseorang yang berlainan jantina	3 (2.4)	12 (9.8)	82 (66.7)	26 (21.1)	3.07
D7.	Akan bertanya soalan untuk menunjukkan minat saya terhadap ceritanya apabila berbual dengan rakan	1 (0.8)	5 (4.1)	90 (73.2)	27 (22.0)	3.16
D8.	Sering memberitahu kesilapan yang dilakukan oleh seseorang	3 (2.4)	40 (32.5)	69 (56.1)	11 (8.9)	2.72
D9.	Mudah mempelawa seseorang berlainan jantina melakukan aktiviti bersama	7 (5.7)	34 (27.6)	65 (52.8)	17 (13.8)	2.75
D10.	Tidak mudah percaya pujian yang diberikan oleh rakan rapat	5 (4.1)	27 (22.0)	72 (58.5)	19 (15.4)	2.85
D11.	Akan melihat kepada seseorang yang berkomunikasi dengan saya untuk menunjukkan minat saya terhadap ceritanya	1 (0.8)	5 (4.1)	87 (70.7)	30 (24.4)	3.19
D12.	Menjadi gelisah apabila berhadapan dengan seseorang yang minati	2 (1.6)	30 (24.4)	75 (61.0)	16 (13.0)	2.85
D13.	Sukar untuk melihat mata seseorang apabila bercakap dengannya	8 (6.5)	40 (32.5)	57 (46.3)	18 (14.6)	2.69
D14.	Seorang yang mudah bergaul	0 (0.0)	9 (7.3)	85 (69.1)	29 (23.6)	3.16
D15.	Berasa selesa apabila rakan rapat memeluk saya	0 (0.0)	13 (10.6)	73 (59.3)	37 (30.1)	3.19
D16.	Berasa sukar untuk menerima permohonan maaf daripada orang lain	7 (5.7)	47 (38.2)	48 (39.0)	21 (17.1)	2.67
D17.	Akan memperkenalkan diri kepada orang yang tidak saya kenali apabila berada dalam kumpulan	3 (2.4)	21 (17.1)	71 (57.7)	28 (22.8)	3.01
D18.	Sering beranggapan saya boleh melakukan tugas yang lebih baik	0 (0.0)	14 (11.4)	76 (61.8)	33 (26.8)	3.15
D19.	Lebih selesa untuk berdiam diri daripada memberi pujian yang tidak ikhlas	2 (1.6)	13 (10.6)	78 (63.4)	30 (24.4)	3.11
D20.	Suka memanggil seseorang dengan namanya	1 (0.8)	4 (3.3)	89 (72.4)	29 (23.6)	3.19
D21.	Mudah senyum dan mengucapkan terima kasih jika saya menerima pujian	1 (0.8)	7 (5.7)	79 (64.2)	36 (29.3)	3.22
D22.	Tidak tahu bagaimana untuk memulakan perbualan	6 (4.9)	32 (26.)	62 (50.4)	23 (18.7)	2.83
D23.	Meminta maaf jika melakukan kesilapan	0 (0.0)	7 (5.7)	80 (65.0)	36 (29.3)	3.24

D24.	Berasa malu apabila mendapat pujian terhadap kelakuan saya	1 (0.8)	10 (8.1)	86 (69.9)	26 (21.1)	3.11
D25.	Lebih suka untuk membuat panggilan kepada seseorang yang saya ingin berjumpa daripada menunggu panggilan daripada individu tersebut	0 (0.0)	17 (13.8)	78 (63.4)	28 (22.8)	3.09
D26.	Memberitahu seseorang itu jika saya berasa seronok berjumpa dengannya	0 (0.0)	13 (10.6)	79 (64.2)	31 (25.2)	3.15
D27.	Akan menyapa ahli keluarga dengan pelukan	1 (0.8)	24 (19.5)	69 (56.1)	29 (23.6)	3.02
D28.	Lupa untuk memperkenalkan seseorang yang tidak dikenali kepada orang lain di dalam sesuatu kumpulan	6 (4.9)	37 (30.1)	61 (49.6)	19 (15.4)	2.76
D29.	Disenangi oleh orang yang mengenali diri saya	0 (0.0)	3 (2.4)	90 (73.2)	30 (24.4)	3.21
D30.	Mudah untuk memberi pertolongan kepada rakan rapat walaupun dalam keadaan terpaksa	0 (0.0)	9 (7.3)	78 (63.4)	36 (29.3)	3.21
D31.	Sukar untuk menyatakan perasaan saya terhadap orang lain	2 (1.6)	20 (16.3)	72 (58.5)	29 (23.6)	3.04
D32.	Tidak selesa menerima bantuan daripada rakan rapat	13 (10.6)	46 (37.4)	54 (43.9)	10 (8.1)	2.49
D33.	Ikhlas memberi pujian kepada seseorang	0 (0.0)	4 (3.3)	89 (72.4)	30 (24.4)	3.21
D34.	Mudah untuk meminta maaf kepada rakan rapat jika berlaku perselisihan faham	2 (1.6)	10 (8.1)	77 (62.6)	34 (27.6)	3.16
D35.	Akan membalas gurauan orang lain dengan gurauan juga	1 (0.8)	4 (3.3)	81 (65.9)	37 (30.1)	3.25
D36.	Memuji diri sendiri apabila Berjaya menghabiskan sesuatu tugas	2 (1.6)	11 (8.9)	76 (61.8)	34 (27.6)	3.15
D37.	Menyapa rakan baik dengan pelukan apabila sudah lama tidak bertemu	2 (1.6)	8 (6.5)	78 (63.4)	35 (28.5)	3.18
D38.	Berasa gembira memberikan pujian kepada seseorang	0 (0.0)	2 (1.6)	89 (72.4)	32 (26.0)	3.24
D39.	Akan tunggu panggilan daripada rakan walaupun saya benar – benar ingin berjumpa dengannya	2 (1.6)	27 (22.0)	72 (58.5)	22 (17.9)	2.92
D40.	Akan perhatikan tindakan seseorang itu apabila saya tidak suka apa yang mereka lakukan	0 (0.0)	12 (9.8)	81 (65.9)	30 (24.4)	3.15
D41.	Mudah untuk mengucapkan “terima kasih” kepada orang yang tidak dikenali apabila mereka membantu saya	0 (0.0)	2 (1.6)	70 (56.9)	51 (41.5)	3.39
D42.	Mudah ketawa terhadap gurauan orang lain	1 (0.8)	6 (4.9)	80 (65.0)	36 (29.3)	3.23
D43.	Sukar untuk memulakan perbualan dengan seseorang yang berlainan jantina	5 (4.1)	28 (22.8)	37 (59.3)	17 (13.8)	2.83
D44.	Mempunyai perasaan syak wasangka jika seseorang memberitahu bahawa mereka menyukai saya	2 (1.6)	20 (16.3)	78 (63.4)	33 (18.7)	2.99
D45.	Menghantar kad kepada rakan rapat hanya untuk memberitahu bahawa saya mengingatnya	2 (1.6)	30 (24.4)	71 (57.7)	20 (16.3)	2.88
D46.	Sukar untuk memberi pujian kepada rakan rapat	6 (4.9)	47 (38.2)	55 (44.7)	15 (12.2)	2.64
D47.	Mudah bergaul	1 (0.8)	13 (10.6)	81 (65.9)	28 (22.8)	3.11

5.

D48.	Sukar untuk memberi pertolongan kepada orang yang tidak dikenali	9 (7.3)	44 (35.8)	56 (45.5)	14 (11.4)	2.61
D49.	Mudah untuk memberitahu seseorang tentang perkara yang saya tidak suka berkaitan dengan mereka	8 (6.5)	35 (28.5)	60 (48.8)	20 (16.3)	2.75
D50.	Pernah diberitahu bahawa saya merupakan seseorang yang menyenangkan	0 (0.0)	13 (10.6)	86 (69.9)	24 (19.5)	3.09
D51.	Membuat teguran dengan menggunakan perkataan yang tidak menyakitkan hati	2 (1.6)	17 (13.8)	78 (63.4)	26 (21.1)	3.04
D52.	Sukar untuk memperlawa seseorang berlainan jantina untuk memlakukan aktiviti bersama	7 (5.7)	30 (24.4)	70 (56.9)	16 (13.0)	2.77

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kemahiran komunikasi adalah satu aspek penting yang penting dalam semua peringkat umur tidak kira sama ada dalam kalangan kanak – kanak, remaja atau warga emas. Rangkaian kemahiran komunikasi iaitu komunikasi berdasarkan penyampaian, komunikasi berdasarkan tingkahlaku atau perbuatan, komunikasi berdasarkan kelangsungannya, komunikasi berdasarkan maksud komunikasi, komunikasi berdasarkan ruang lingkup dan komunikasi eksternal memainkan peranan yang tersendiri dalam membantu kehidupan belia yang dalam mencari pekerjaan, pelajaran dan bergaulan harian bersama orang yang lebih tua.

### Penghargaan

Ucapan ribuan terima kasih kepada responden yang memberi maklum balas dan kerjasama yang baik sepanjang kajian ini dijalankan. Penghargaan juga kepada pembiayaan penyelidikan ini di bawah geran (MRUN-2019-001/1) dan kelulusan menjalankan kajian rintis dari Jawatankuasa Etika Penyelidikan UKM.

### Rujukan

- Abdullah, N. H. (2007). Penguasaan Kemahiran Insaniah dalam Membangunkan Modal Insan Melalui Aktiviti Kokurikulum di UTHM. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Boyd, D. (2008). Why Youth (Heart) Social Network Sites: The Role of Networked Publics in Teenage Social Life. In D. Buckingham (Ed.), *Youth, Identity and Digital Media*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Devito, Joseph. Alih Bahasa oleh Agus Maulana MSM. (2011). *Komunikasi Antara Manusia* Kharisma Publishing Group. Jakarta.
- Ellison, N.B., Steinfield, C., & Lampe, C. (2007). The benefits of Facebook 'friends': Social capital and college students' use of online social networks sites. *Journal of Computer Mediated Communication* 12: 1143-1168.
- Ibrahim. (2019). Konteks budaya dalam komunikasi antarabudaya (Kes pelajar IAIN Pontianak, Indonesia). *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(2), 227-246.
- Laporan Tren Media Sosial Talkwalker (2021). <https://www.talkwalker.com/social-media-trends-2021>.
- Leung, R. dan Li, J. (2015). Using Social Media to Address Asian Immigrants' Mental Health Needs: A Systematic Literature Review: *Journal of Nature and Science*, 1(40).

- Maryanti, S., Zikra, & Nurfarhanah. (2012). Hubungan antara Keterampilan Komunikasi dengan Aktivitas Belajar Siswa. *Konselor Journal*.  
<https://doi.org/10.24036/0201212700-0-00>
- Mishra, P., & Azeez, A. (2016). Acquisition of Oral Communication Skills in Rural Based Higher Institutions: A Case Study of Tamil Nadu, India. *International Journal of Multidisciplinary Approach and Studies*, 3(2), 55.
- Nazihah, Fauziah & Nur Saadah (2019), Tingkah laku Bertika dan Kemampuan Kepimpinan Dalam Kalangan Mahasiswa Tahun Akhir Program Kerja Sosial. *e-Bangi: Journal of social sciences and Humanities*.
- Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin. (2017). Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Jurnal Ilmi*. (12) 25-37
- Ranjit, S. M. (2004). Mempertingkatkan Kualiti Peribadi: Menjana Diri untuk Mencapai Prestasi Unggul di Tempat Kerja. *Kuala Lumpur*.  
<https://123dok.com/article/komunikasi-interpersonal-penguasaan-kemahiran-komunikasi-interpersonal-kalangan-pel.zx08g74z>
- Sa'adiyah Ma'alip. (2015). Pemilihan bahasa dalam komunikasi di laman sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 231-246.
- Shariffah Mamat. (2014). Keperluan vs. kehendak belia. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES) Buletin Fakta*, 1/2014, 1,  
<http://www.ippbm.gov.my/dokumen/buletin/edisi-i-mac-2014.pdf>.
- Suranto A. W. (2011). *Komunikasi Interpersonal*. Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Wood, J.T. (2009). *Interpersonal communication everyday encounters*. 6 th edition. Boston: Lyn Uhl.